

SURAT PEKELILING BENDAHARI BILANGAN 9/2004

Semua
Ketua Jabatan/Dekan
Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia
Ayer Keroh, Melaka

Assalamualaikum wrt. wbt.,

Y. Bhg. Datuk/Prof/Dr./Tuan/Puan,

TANGGUNGJAWAB PENYELIA DAN PERUNTUKAN ELAUN LEBIH MASA

Dengan hormatnya saya merujuk perhatian Y. Bhg. Datuk/Prof/Dr./Tuan/Puan kepada perkara di atas.

Surat pekeliling ini diedarkan adalah bertujuan untuk memaklumkan kepada semua penyelia akan pentingnya tanggungjawab untuk memastikan kerja-kerja yang dilakukan oleh staf dibawah seliaannya di luar waktu pejabat.

Setiap penyelia yang dipertanggungjawabkan oleh ketua jabatan masing-masing diharapkan dapat memberi perhatian serius akan setiap tugas yang dilakukan oleh staf dibawah seliaannya yang melibatkan tuntutan elaun lebih masa. Setiap kerja yang dilakukan perlu mengikut peraturan yang telah ditetapkan dalam Pekeliling Perkhidmatan 9/1991(rujuk Pekeliling Bendahari Bil.4/2001). Penyelia mestilah memastikan borang tuntutan Elaun Lebih Masa telah disemak dan diteliti sebelum dihantar ke Pejabat Bendahari. Sekiranya pada satu-satu masa, apabila pihak audit menyemak maklumat tersebut dan didapati terdapat keraguan, maka penyelia adalah bertanggungjawab untuk memberikan penjelasan.

Selain dari itu, seperti yang dimaklumi, setiap Fakulti/Jabatan telah dimaklumkan dengan peruntukan elaun lebih masa. Diharapkan peruntukan dapat dikawal dan digunakan sebaik mungkin kerana tiada peruntukan tambahan akan diberikan sekiranya peruntukan tersebut telah habis digunakan. Perkara ini diharapkan dapat diberi perhatian serius oleh semua Dekan/Ketua Jabatan masing-masing.

Diharapkan pihak Y. Bhg. Datuk/Prof/Dr./Tuan/Puan, maklum akan perkara tersebut di atas.

Surat Pekeliling ini adalah berkuatkuasa mulai dari tarikh di atas.

Sekian, *wassalam*.

'BEKHIDMAT UNTUK NEGARA KERANA ALLAH'

Saya yang menurut perintah,

(KHAIRUL BIN TAIB)

Bendahari

Pejabat Bendahari

Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia

s.k

Y. Bhg. Prof. Dr. Azhari B. Saleh
Pemangku Rektor

Y. Bhg. Datuk Prof. Ismail B. Hassan
Timbalan Rektor Akademik